



Pengerusi Eksekutif Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia, Tengku Ngah bin Tengku Akar,

menarangkan sesuatu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir. — Foto oleh MOHD. YUSOFF.

Industri kapal membangggakan

Oleh HALIM MAJID

MELAKA, Sabtu — Industri perkapalan Malaysia kini mencapai tahap perkembangan membanggakan dan dalam tempoh 10 tahun dari sekarang memerlukan kira-kira 14,400 pelaut termasuk kelasi dan kapten.

Demikian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan di sini hari ini.

"Bidang ini, saya yakin akan terus berkembang selaras dengan hasrat dan cita-cita untuk menjadi negara 'maritime' yang mempunyai penuh kemampuan."

"Ini pasti akan tercapai memandangkan perdagangan kita yang luas dan semakin meningkat dengan negara-negara asing dan tahap pembangunan kita dalam sektor pertanian, perusahan dan perkhidmatan,"katanya.

Oleh itu, katanya, Akademi Laut Malaysia, berperanan amat penting dalam pembekalan pelbagai kategori tenaga terlatih tempatan yang diperlukan."

Bellau memberitahu demikian sewaktu merasmikan Akademi Laut Malaysia dan majlis penyempurnaan sijil kepada kumpulan pertama 25 kadet Geladak pralaut serta 40 kelasi pengambilan kelapan di akademi itu di Tanjung Dahan, Kuala Sungai Baru, 30 batu dari sini, pagi ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan berjaya atau tidaknya kita menjadi negara "maritime" moden yang berkemampuan serta dapat dibanggakan bergan-



tung kepada sumbangan bella kerana kesungguhan belialah terletaknya kejayaan kita sebagai negara "maritime".

Menurutnya, sebagai akademi yang penting dan ulung berbagai kursus perkapalan akan dianjurkan oleh akademi ini.

Perdana Menteri berkata, di samping kursus kepegawaian di bidang perhubungan radio laut dan pelayaran hingga ke peringkat kapten kapal, kursus kejuruteraan laut juga akan diadakan bagi melatih jurutera-jurutera kapal.

Bagi menentukan bahawa pengetahuan dan perkembangan baru di bidang dan industri

perkapalan mendapat perhatian, kursus-ujian dan kursus-kursus lain perlu juga dianjurkan dari masa ke semasa, katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, jika kita tinjau perkembangan bidang perkapalan moden negara dan perbandingan dibuat nescaya kita akan dapati bahawa negara kita adalah negara pelautan yang boleh dikatakan paling terakhir memasuki bidang ini.

Negara India, contohnya, telah memulakan bidang perkapalannya sejak tahun 30-an lagi, Indonesia sekitar tahun 40-an dan Singapura dalam tahun 60-an.

TERSENGIH adik Ahmad Paul Hirman Taharuddin dengan pakaian pelaut yang lengkap. Barangkali, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, memuji dan berkata:

"Syabas! Bergaya! Sajak! Mudah-mudahan awak jadi pelaut yang berani, terkenal dan terkemuka nanti!"

Adik Hirman menyampaikan sebak bunga kepada isteri Perdana Menteri itu ketika Datin Seri Siti Hasmah mengiringi Perdana Menteri merasmikan Akademi Laut Malaysia di Tanjung Dahan, Kuala Sungai Baru, Melaka, semalam.